



3 April 2013  
3 April 2013  
P.U. (A) 126

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH EKSTRADISI (REPUBLIK KOREA) 2013

### *EXTRADITION (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA EKSTRADISI 1992

PERINTAH EKSTRADISI (REPUBLIK KOREA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ekstradisi (Republik Korea) 2013.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 22 Triti.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “Triti” ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea mengenai Ekstradisi yang ditandatangani di Kuala Lumpur, Malaysia pada 17 Januari 2013 yang menurutnya suatu perkiraan telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea untuk mengekstradisikan penjenayah buruan mengikut Triti.

**Pemakaian Akta kepada Republik Korea**

3. Bagi maksud Triti, Akta Ekstradisi 1992 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Korea.

**Kemasukan Triti dalam Perintah**

4. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL  
[Perenggan 4]

**TRITI  
ANTARA  
KERAJAAN MALAYSIA  
DENGAN  
KERAJAAN REPUBLIK KOREA  
MENGENAI  
EKSTRADISI**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Korea (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

**BERHASRAT** untuk memperkuatkan hubungan baik antara kedua-dua negara;

**MENGIKTIRAF** keperluan untuk mengadakan kerjasama yang lebih berkesan antara kedua-dua negara dalam menumpaskan jenayah;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

**PERKARA 1  
OBLIGASI UNTUK MENGEKSTRADISIKAN**

Pihak-Pihak bersetuju untuk mengekstradisikan kepada satu sama lain, menurut peruntukan Triti ini dan selaras dengan undang-undang domestik masing-masing, mana-mana orang yang dituduh dengan, atau mana-mana orang yang disabitkan dengan, suatu kesalahan boleh ekstradisi dalam wilayah Pihak yang Meminta untuk tujuan pendakwaan atau menjalankan hukuman bagi suatu kesalahan boleh ekstradisi, mengikut mana-mana yang dikehendaki.

**PERKARA 2**  
**KESALAHAN BOLEH EKSTRADISI**

1. Bagi maksud Triti ini, kesalahan boleh ekstradisi ialah kesalahan, walau bagaimanapun diperihalkan, yang boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun atau dengan suatu penalti yang lebih berat.
2. Sesuatu kesalahan hendaklah juga menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika kesalahan itu terdiri daripada suatu percubaan atau komplot untuk melakukan, atau membantu atau menyubahati, apa-apa kesalahan yang diperihalkan dalam perenggan 1 dan boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun atau dengan suatu penalti yang lebih berat.
3. Jika permintaan bagi ekstradisi itu berkenaan dengan seseorang yang dihukum dengan pemenjaraan oleh mahkamah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan boleh ekstradisi, ekstradisi boleh diberikan hanya jika suatu tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan hukuman pemenjaraan itu masih perlu dijalani.
4. Bagi maksud Perkara ini, dalam menentukan sama ada sesuatu kesalahan adalah kesalahan terhadap undang-undang kedua-dua Pihak:
  - (a) adalah tidak menjadi hal sama ada undang-undang Pihak-Pihak meletakkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu dalam kategori kesalahan yang sama atau memperihalkan kesalahan itu dengan istilah yang sama;
  - (b) keseluruhan perbuatan atau peninggalan yang dikatakan terhadap orang yang ekstradisinya dikehendaki hendaklah diambil kira dan adalah tidak menjadi hal sama ada, di bawah undang-undang Pihak-Pihak, elemen yang membentuk kesalahan itu berbeza.

5. Jika ekstradisi seseorang dikehendaki bagi suatu kesalahan terhadap undang-undang berhubung dengan percakaian, duti kastam, kawalan pertukaran wang atau perkara hasil lain, ekstradisi tidak boleh ditolak atas alasan bahawa undang-undang Pihak yang Diminta tidak mengenakan jenis cukai atau duti yang sama atau tidak mengandungi peraturan cukai, duti, kastam, atau pertukaran yang sejenis dengan undang-undang Pihak yang Meminta, dengan syarat bahawa perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi dikehendaki adalah suatu kesalahan dalam wilayah Pihak yang Diminta.

6. Jika kesalahan itu telah dilakukan di luar wilayah Pihak yang Meminta, ekstradisi hendaklah diberikan jika undang-undang Pihak yang Diminta memperuntukkan hukuman bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan di luar wilayahnya dalam hal keadaan yang seumpamanya, dan jika kehendak ekstradisi di bawah Triti ini selainnya dipenuhi. Jika undang-undang Pihak yang Diminta tidak memperuntukkan sedemikian, Pihak yang Diminta boleh, mengikut budi bicaranya, menolak ekstradisi.

7. Ekstradisi boleh diberikan menurut peruntukan Triti ini berkenaan dengan sesuatu kesalahan dengan syarat bahawa:

- (a) kesalahan itu adalah suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta pada masa perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu; dan
- (b) perbuatan atau peninggalan yang dikatakan adalah, jika perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan dalam wilayah Pihak yang Diminta pada masa permintaan bagi ekstradisi dibuat, menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berkuat kuasa dalam wilayah Pihak yang Diminta.